



Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PERMOHONAN MASUK PEPERIKSAAN DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 3
SESI AKADEMIK 2014-2015**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015 akan diadakan pada **28 September hingga 4 Oktober 2015**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan permohonan masuk peperiksaan Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015 melalui **SMPE** mulai **31 Ogos hingga 6 September 2015**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, sila klik sah jika semua kursus dipaparkan. Semua pelajar perlu membuat permohonan masuk peperiksaan ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat permohonan masuk peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 3 Sesi Akademik 2014-2015 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **31 Ogos 2015**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP sama ada melalui emel mazuna@ukm.edu.my atau faks ke talian 03-89251391 selewat – lewatnya pada **6 September 2015**.


Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **14 September 2015**.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

b.p. Pengarah

- s.k.
- Timbalan Pengarah
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 - Penyelaras Program
 - Penolong Pendaftar (Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar)